

Soalan No :16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]

TARIKH : 11.3.2015

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa kursus *Applied Behavior Analysis* tidak ditawarkan di mana-mana universiti di Malaysia memandangkan statistik kanak-kanak istimewa semakin tinggi di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, *Applied Behavior Analysis* (ABA) merupakan kursus modifikasi tingkah laku manusia yang diamalkan oleh Pakar Psikologi Klinikal dalam intervensi di mana asas bagi ABA adalah psikologi.

Di peringkat institusi pendidikan tinggi awam, kursus ABA telah ditawarkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Kursus yang ditawarkan di UPSI adalah bagi program Ijazah Sarjana Muda Psikologi

Dengan Kepujian di bawah kursus Modifikasi Tingkah Laku dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Khas) Dengan Kepujian yang diintegrasikan dalam kursus Pengurusan Tingkah Laku Dalam Pendidikan Khas (Behavior Modification) di mana model perubatan telah diaplikasikan. Di UKM, kursus ini merupakan kursus wajib major bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu Pengurusan Tingkah Laku dan sebagai kursus pilihan iaitu Pengurusan Tingkah Laku dalam Pendidikan Khas bagi peringkat Sarjana. Di USM, ia dalam kursus Pengesanan dan Diagnosis Kanak-Kanak Khas bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda dan kursus Pengurusan Tingkah Laku untuk Murid Berkeperluan Khas bagi peringkat Sarjana.

Manakala, di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), kursus ABA telah ditawarkan di Kolej Dika dalam salah satu subjek kursus pengajian Diploma In Special Education (Early Years).

RJM09